



1 MEKANISME INTEGRITI

Integrity telah membangunkan beberapa mekanisme untuk membantu organisasi merangka, melaksana dan memantau pelan integrity masing-masing.

<p>Integrity Assessment Tool IAT adalah berdasarkan rangka kerja CISM yang dijadikan contoh untuk mendukung inisiatif integrity korporat dalam meningkatkan tadbir urus korporat. IAT digunakan untuk menilai keadaan integrity dengan mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi bagi mencapai standard etika yang tinggi.</p>	IAT
<p>Malaysian Integrity Profile Untuk mengenal pasti kecenderungan seseorang individu sama ada tetap konsisten untuk jujur dalam setiap tindakan, mempunyai nilai dan prinsip di samping untuk menilai profil atau kecenderungan individu untuk terlibat dalam tingkahlaku yang tidak produktif.</p>	MIP
<p>Plan Integrity Organisasi Pelan ini mengariskan pernyataan masalah, melalui pendekatan dan program yang berkaitan dengan semua aspek dalam memperbaiki jurang seperti pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan.</p>	PIO
<p>Pemantauan/penilaian Bertujuan memantau, mengukur dan menilai kemajuan inisiatif Pelan Integrity yang dilaksanakan oleh Syarikat dan/atau agensi. Menggunakan rangka kerja sistem pengurusan berasaskan hasil, 'monitoring dashboard' yang tertumpu kepada hasil dan impak setiap aktiviti program.</p>	Monitoring Dashboard
<p>Pembangunan Integrity Bersama Komuniti PIBK adalah satu pendekatan yang melibatkan pembelajaran mengenai keperluan pelanggan, cabaran penyampaian perkhidmatan, menyokong masyarakat dan syarikat untuk menjayakan inisiatif integrity bagi penyelesaian yang praktikal, dan pemantauan berterusan serta penyampaian perkhidmatan.</p>	PIBK

APA ITU INSTRUMEN PENILAIAN INTEGRITI (IAT)?

Instrumen Penilaian Integrity (IAT) adalah satu keadah untuk menilai dan memperkukuhkan eko-sistem integrity organisasi.

Penilaian boleh mengenal pasti pembaharuan dan keutamaan untuk mengukuhkan sistem tadbir urus, mencegah, mengesan serta mendakwa salah laku integrity.

Dengan pelaksanaan IAT, organisasi yang terlibat dalam mengemaskinikan sistem integrity korporat mereka diyakini akan lebih berdaya saing dan membolehkan organisasi tersebut bersaing diperingkat global dalam usaha memperkukuhkan tahap penanda aras yang cemerlang integrity korporat mereka.

2 DIMENSI INSTRUMEN PENILAIAN INTEGRITI ORGANISASI (IAT)



KETERANGAN 12 DIMENSI

VISI & MISI

Bahagian ini merangkumi konsep dan pendekatan menyeluruh organisasi terhadap etika dan integrity, termasuk pernyataan rasmi berkaitan falsafah yang mendasari organisasi tentang kelakuan beretika dan bermoral, dan bagaimana harapan ini diterapkan dalam struktur organisasi.

KEPIMPINAN

Bahagian ini mengkaji bagaimana pemimpin dan pengurus dipertanggungjawabkan bagi menggalakkan etika dan integrity. Kategori ini merangkumi penilaian "Kepimpinan Melalui Teladan" organisasi pada peringkat eksekutif dan tadbir urus kanan.

INFRASTRUKTUR

Bahagian ini merangkumi cara fungsi etika distruktur, dilengkapi kakitangan dan sumber, serta hubungan pelaporan rasmi dan tidak rasmi. Kategori ini juga termasuk peranan dan tanggungjawab individu berkenaan yang ditugaskan untuk melaksanakan fungsi etika dan integrity.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG, DASAR DAN PERATURAN

Bahagian ini menilai rangka kerja dalaman yang menyediakan asas untuk perlakuan beretika. Ia juga termasuk pematuhan rangka kerja undang-undang luaran yang dalam rangka kerja tersebut organisasi beroperasi. Bahagian ini merangkumi sistem dan kawalan yang digunakan bagi memastikan dan menunjukkan bahawa pekerja dan organisasi mematuhi undang-undang.

BUDAYA ORGANISASI

Bahagian ini mengkaji sejauh mana sesebuah organisasi memberikan tumpuan kepada pembentukan budayanya (peraturan bertulis dan tidak bertulis yang menentukan cara sesuatu kerja dibuat dan cara matlamat dicapai) dan sama ada budaya itu menggalakkan kelakuan beretika secara aktif atau tidak. Bahagian ini menerangkan bagaimana budaya ditakrifkan (berdasarkan sejarah dan tradisi organisasi), siapa yang "memiliki" dan membentuk budaya, cara budaya diukur serta sejauh mana pekerja mendapati budaya itu mendukung etika dan integriti

TINDAKAN TATATERTIB DAN GANJARAN

Bahagian ini mengenal pasti ganjaran dan hukuman, insentif yang menggalakkan perlakuan beretika, dan tindakan tatatertib yang diambil untuk mengehadkan dan menghukum kelakuan kerja tidak beretika. Bahagian ini merangkumi cara organisasi menggalakkan kelakuan beretika melalui proses penilaian prestasinya, dan sama ada kelakuan beretika dikaitkan dengan pampasan dan/atau jenis manfaat bukan kewangan lain.

PENGUKURAN, PENYELIDIKAN DAN PENILAIAN

Bahagian ini menilai cara etika dan integriti diukur, sama ada organisasi anda melakukan penyelidikan atau tidak untuk menyokong strategi etika yang mewujudkan budaya etika dan integriti, serta proses penilaian organisasi yang meliputi etika, integriti dan budaya organisasi.

NASIHAT DAN SOKONGAN PERIBADI

Bahagian ini mencakupi dan menerangkan cara organisasi memberikan nasihat tentang etika secara persendirian, berkecuali, profesional dan bebas kepada pekerja, penyelia, pengurus, eksekutif, ahli badan pentadbiran dan pihak berkepentingan lain.

LATIHAN DAN PENDIDIKAN ETIKA

Mengkaji kesedaran etika dan integriti, latihan dan pendidikan pembangunan kemahiran, serta penyepaduan latihan tersebut ke dalam pembangunan menyeluruh semua pekerja. Kategori ini merangkumi peruntukan latihan berkaitan etika dan pembangunan kemahiran sepanjang hidup anggota kakitangan serta sejauh mana inisiatif ini disepadukan dalam komitmen latihan yang lain di seluruh organisasi.

ETIKA KOMUNIKASI

Bahagian ini menerangkan cara inisiatif etika dan integriti dijelaskan dan digalakkan pada peringkat dalaman dan luaran. Kategori ini merangkumi bagaimana organisasi mentakrifkan pihak berkepentingannya dan cara ia menyampaikan mesej utama kepada audiens yang berbeza.

PEMBERITAHUAN MAKLUMAT

Kategori ini meneliti kaedah dan perlindungan yang diberikan kepada individu yang mahu memaklumkan kepada organisasi tentang perlakuan tidak beretika, Salah laku atau apa-apa tindakan menyalahi undang-undang yang mungkin berlaku. Kaedah dan perlindungan ini termasuklah cara membuat laporan sulit dan laporan yang nama pengadunya dirahsiakan, serta mewujudkan sistem yang digunakan oleh organisasi untuk melindungi pemberi maklumat daripada tindakan balas dan perbuatan membalas dendam.

AKAUNTABILITI

Akuantabiliti merupakan proses melaporkan pelaksanaan tugas dalam mencapai objektif organisasi berdasarkan kuasa dan sumber yang disediakan oleh pihak berkepentingan yang berkenaan seperti yang ditetapkan dalam Akta Badan Berkanun 240 (1980) dan akta lain yang berkaitan.

3 IMPAK DAN MANFAAT IAT



4 PENANDA ARAS BAGI SETIAP DIMENSI



5 PROSES PELAKSANAAN IAT

- Set soal selidik diedar kepada kakitangan organisasi.
- Temubual di kendalikan melibatkan setiap peringkat kerja dan tugas.
- Data diperoleh dan dianalisa.
- Analisis deskriptif untuk memahami situasi semasa, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sedia ada.
- Merangka pelan tindakan sistem korporat organisasi.
- Pelaksanaan pelan tindakan.
- Penilaian pelan tindakan.
- Mengukur impak akhir.


6 SIAPAKAH YANG AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA IAT?



Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Instrumen Penilaian Integriti sila hubungi kami di:

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: (603) 6209 2000 Faks: (603) 6203 1005
emel: integriti@integriti.my Laman web: www.integriti.my



[integriti.my](https://www.facebook.com/integriti.my)



[integritidotmy](https://twitter.com/integritidotmy)



[integriti.my](https://www.instagram.com/integriti.my)